

DATE: 22 / 5 / 2008

Tindakan Dr. Mahathir perlu cerminkan negarawan

LAPORAN berkenaan keputusan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan dirinya keluar daripada UMNO perlu dilihat dalam perspektif yang luas. Hal ini ada kaitan dengan persoalan dan tugas seseorang yang telah dirujuk sebagai negarawan.

Majalah bulanan *Reader Digest* April 2008, menyelitkan satu tajuk: *Can These Guru's Save The World?* Ia berkenaan usaha seorang billionair kapal terbang tambang murah British, Sir Richard Bronson mengumpulkan tokoh dunia untuk membentuk satu 'tata baru dunia'. Objektif terakhirnya ialah sebuah dunia yang lain daripada dunia hari ini, lebih aman dan adil untuk semua.

Menarik perhatian ialah kriteria yang dicadangkan oleh Scilla Elworthy, pengasas Oxford Research Group yang diuji oleh Virgin Airlines untuk menyenaraikan pendek nama-nama negarawan ke dalam pertubuhan tersebut.

Kriteria utamanya ialah mereka tidak lagi terlibat dengan politik, tiada personal agenda, tidak berkepentingan atau

berat sebelah. Selain itu, mereka hendaklah menunjukkan satu tahap integriti yang tinggi dan mendapat penghormatan dan kepercayaan antarabangsa, serta mempunyai reputasi 'tidak bersifat memaksa' sewaktu kepimpinannya ke atas sesebuah negara atau pertubuhan.

Antara tokoh yang telah dijemput dan melepasi saringan badan itu ialah Jimmy Carter, Nelson Mandela, Kofi Annan, Muhammad Yunus (Bangladesh), Aung San Suu Kyi, Desmond Tutu dan Lakhdar Brahimi. Adakah Dr. Mahathir berada dalam saringan mereka atau tidak bukan menjadi persoalan kepada kita.

Melihat kepada kriteria yang dicadangkan, sangat sukar rupanya memilih *the most elders* di kalangan kesemua 300 negarawan yang ditinjau oleh kumpulan tersebut.

Dr. Mahathir telah memenuhi sebahagian kriteria itu. Lagi pula, kita tidak mempunyai ramai calon yang boleh dikedukakan kepada dunia. Beliau mungkin seorang dari bilangan rakyat Malaysia yang boleh dibilang dengan jari yang

Um - 22/5/2008
boleh dimasukkan ke dalam senarai *elders village* itu.

Bagaimanakah kita menanggapi siri-siri tindakan Dr. Mahathir terhadap kerajaan semasa berasaskan kriteria yang dicadangkan itu?

Pada awal persaraannya, Tun memang diakui dan diiktiraf sebagai seorang negarawan. Kerajaan menganugerahkan gelaran 'Tun' kepada beliau atas sumbangannya selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri yang mengubah hampir seluruh aspek wajah Malaysia.

Namun, tindakan beliau kemudiannya tidak mengembangkan sikap kenegarawanan itu, malah semakin mengecil dan terbatas skop pandangannya. Dr. Mahathir akan menjadi lebih besar tanpa perkara remeh-temeh yang beliau lakukan seperti keadaan sekarang.

Permainan seperti keluar parti, hendak menjadi perwakilan atau apa-apa sahaja tindakan dalam skop kepartian menyebabkan sebahagian pemerhati politik, khususnya golongan muda menjadi muak dengan tindakan keanak-anakan seperti orang

yang baru berjinak-jinak dengan politik.

Tun telah 'melanggar sebahagian syarat atau kriteria negarawan. Beliau secara nyata telah melanggar syarat utama, di bawah kriteria 'tidak lagi terlibat dengan politik.' Sukar hendak dipastikan komen-komen beliau sekarang sama ada berada di luar jalur 'tiada personal agenda, kepentingan atau berat sebelah.'

Walaupun secara jujur, kita perlu mengiktiraf bahawa Dr. Mahathir masih menunjukkan tahap integriti yang tinggi, dan mendapat penghormatan dan kepercayaan antarabangsa, misalnya dari negara-negara Arab dan kelompok ASEAN.

Kita merasakan bahawa masih tidak terlalu lewat untuk Dr. Mahathir kembali ke pangkal jalan. Dengan terus berbuat seperti mana siri tindakan beliau sekarang, Dr. Mahathir akan menambahkan kerugian kepada UMNO, negara dan paling utama orang Melayu.

- UMAR ZAIN
Kelab Penyelidikan
Politik Malaysia.